

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT  
[BETONG]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ROBERT LAWSON CHUAT** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-

- (a) sama ada Kerajaan merancang untuk memberi dos *booster* tahunan memandangkan COVID-19 telah menjadi pandemik di Malaysia; dan
- (b) adakah Kementerian membuat kajian tahap antibodi bagi penerima yang sudah lengkap 2 dos vaksin COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada 19 September 2021 bahawa kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian dos ketiga vaksin COVID-19 bagi meningkatkan perlindungan kepada golongan rentan daripada risiko jangkitan COVID-19.
2. Pemberian dos ketiga vaksin COVID- 19 akan dilaksanakan pada awal bulan Oktober 2021 memandangkan liputan imunisasi dos lengkap populasi dewasa pada 30 September 2021 adalah sebanyak 85.7% (20, 053, 472 individu) dan melebihi daripada 80% seperti dimaklumkan sebelum ini.
3. Terdapat perbezaan definisi bagi dos ketiga dan dos penggalak (*booster*). Dos ketiga bermaksud dos yang diberikan akibat dari kegagalan sistem tubuh untuk membina perlindungan yang secukupnya selepas menerima vaksin lengkap. Ini boleh berlaku ke atas pesakit yang mempunyai daya tahan tubuh yang lemah (*immunocompromised*), berisiko tinggi seperti menghadapi penyakit kronik dan lain-lain.
4. Manakala, dos penggalak (*booster*) bermaksud dos lain yang perlu diberikan kepada seseorang yang sebelumnya mendapat perlindungan yang mencukupi selepas vaksinasi lengkap, namun perlindungan tersebut menurun dari masa ke semasa atas sebab-sebab tertentu seperti *waning immunity*, perlindungan yang berkurang terhadap *Variant of Concern*(VOC) dan lain-lain.
5. Sejajar dengan itu, JKJAV telah bermesyuarat pada 30 September 2021. Berdasarkan bukti-bukti saintifik dalam dan luar negara, pendapat panel pakar perubatan dan kesihatan JKJAV telah memutuskan bahawa pemberian dos tambahan bagi vaksin COVID- 19 mengikut keutamaan adalah seperti berikut :
  - (i) Dos ketiga akan diberikan kepada pesakit kurang daya tahan imun (*immunocompromised*) seperti pesakit kanser, pesakit

yang menjalani pemindahan organ dan lain- lain.

- (a) Dos Ketiga ini akan diberikan sekurang- kurangnya selepas 28 hari menerima dos kedua;
  - (b) Jenis vaksin adalah sama dengan vaksin primer (*homologous vaccine*) kecuali jika ada sebarang kontraindikasi dan akan ditentukan oleh doktor yang merawat; dan
  - (c) Kumpulan ini mungkin memerlukan dos tambahan atau penggalak (*booster*) kemudian namun akan dimaklumkan dari semasa ke semasa setelah data-data saintifik yang cukup diperolehi.
- (ii) Dos penggalak (*booster*) pula akan diberikan mengikut keutamaan dan diberikan kepada kumpulan yang berisiko tinggi terlebih dahulu seperti :
- (a) semua petugas kesihatan;
  - (b) warga tua berumur  $\geq 60$  tahun dengan komorbiditi seperti obesiti, Diabetes dan lain- lain; dan
  - (c) individu yang tinggal atau staf bekerja di pusat jagaan jangka panjang (*long-term care facilities*) seperti rumah jagaan warga emas, *nursing home* dan lain- lain).

6. Dos penggalak (*booster*) ini akan diberikan sekurang-kurangnya selepas 6 bulan menerima dos kedua. Jenis vaksin adalah bergantung dengan bekalan vaksin yang sedia ada, iaitu sama ada *homologous vaccine* atau *heterogenous vaccine*. Dianggarkan seramai 7.15 juta individu daripada kumpulan tersebut akan terlibat dalam pemberian dos ketiga vaksin dan dos penggalak (*booster*) tersebut.

7. Pemberian dos penggalak (*booster*) seterusnya juga akan dipertimbangkan kepada kumpulan lain bergantung kepada bekalan

## SOALAN NO. 26

vaksin yang ada. Ini termasuk petugas kesihatan dan individu dengan Komorbiditi (seperti PICK fasa 2 ) yang mempunyai masalah Obesiti, Diabetis Melitus , Hypertension dan lain- lain.

8. Bagi tujuan tersebut, panel pakar perubatan dan kesihatan sedang memuktamadkan garis panduan pelaksanaan pemberian dos ketiga serta dos penggalak (booster) tersebut dan akan di keluarkan dalam tempoh yang terdekat. Pada yang sama permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah sedang dilaksanakan.

9. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) masih belum menetapkan piawaian ujian antibodi COVID-19. Oleh itu, Kerajaan mengambil pendekatan untuk tidak menjadikan ujian antibodi sebagai ujian rutin selepas vaksinasi COVID-19. Pada masa ini, ujian antibodi COVID-19 hanya adalah digunakan untuk penyelidikan sahaja.

Sekian, terima kasih.